

Pengeksportan *Fresh Food of Plant Origin* (FFPO) ke Indonesia

Mulai 17 Februari 2016, semua negara yang ingin mengeksport *fresh food of plant origin* (FFPO) ke Indonesia perlu mendapat kelulusan daripada pihak *Indonesian Agriculture Quarantine Agency* (IAQA) sebelum pengeksportan dapat dijalankan ke negara berkenaan. Ini adalah berdasarkan kepada *Regulation of Minister of Agriculture 04/Permentan/PP.340/2/2015 Regarding Food Safety Control of Importation and Exportation of Fresh Food of Plant Origin (enforcement date on 17 February 2016)* yang dikuatkuasakan oleh pihak Indonesia di mana ianya melibatkan 103 jenis produk FFPO.

Bagi tujuan penyenggaraan untuk pengeksportan FFPO ke Indonesia, perkara berikut perlu diberi perhatian oleh semua premis pemprosesan, *packing house* dan *trader/exporter* sebagai panduan:

- i. Ladang agrikultur perlu mempunyai pensijilan MyGAP daripada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) dan melaksanakan program kebolehkesanan (traceability);
- ii. *Packing house* perlu mempunyai pensijilan MeSTI daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mematuhi Peraturan Grading, Packaging and Labelling (GPL), FAMA, melaksanakan program kebolehkesanan (traceability) dan mengamalkan *Good Handling Practice* (GHP);
- iii. Premis Pemprosesan perlu mempunyai pensijilan *Good Manufacturing Practices* (GMP) daripada KKM dan melaksanakan program kebolehkesanan (traceability);
- iv. Pengimportan FFPO bagi tujuan pengeksportan ke Indonesia perlu mempunyai *Health Attestation* daripada negara pengeksport yang mengesahkan bahawa produk FFPO yang diimport tersebut mematuhi *Regulation of MOA No. 04 of 2015* seperti yang ditetapkan oleh pihak Indonesia;
- v. Trader/Exporter perlu mendapatkan produk FFPO daripada ladang agrikultur/*packing house*/premis pemprosesan yang mematuhi kriteria seperti

yang dinyatakan di atas dan disenaraikan oleh KKM bagi tujuan pengeksportan ke Indonesia.

Dalam hal ini, semua pengeksport produk FFPO yang ingin mengeksport FFPO ke Indonesia sama ada premis pemprosesan, *packing house* atau *trader/exporter* perlu membuat permohonan ke Bahagian ini melalui borang seperti yang dinyatakan di bawah. Pengeksportan FFPO akan hanya boleh dijalankan setelah semua premis pemprosesan, *packing house* dan *trader/exporter* mematuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh pihak Indonesia dan disenaraikan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Regulation of Minister of Agriculture 04/Permentan/PP.340/2/2015 Regarding Food Safety Control of Importation and Exportation of Fresh Food of Plant Origin* yang dikuatkuasakan mulai 17 Februari 2016 di www.karantina.pertanian.go.id.